

**Program Jelajah Wanita BN Untuk Bantu Selesai Masalah Rakyat – Shahrizat Bernama
29 September, 2012**

KOTA KINABALU, 29 Sept (Bernama) -- Program Jelajah Wanita Barisan Nasional (BN) ke seluruh negara bermula hari ini di Beaufort di sini bertujuan menentukan ""apa-apa keperluan rakyat berbilang kaum dapat diberi perhatian", kata Pengerusi Wanita BN Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata program bertemakan "Salam Sayang Wanita" itu juga untuk memastikan jentera Wanita BN berada dalam keadaan siap siaga yang menyakinkan untuk memastikan BN menang dan berjaya membentuk kerajaan pada pilihan raya umum ke-13 akan datang.

"Kita mulakan program ini pada hari ini di Beaufort dan selepas ini kita akan ke Sarawak, kemudiannya ke Sememanjung.

"Saya dan semua ketua-ketua Wanita BN akan meneruskan jelajah ini di seluruh Malaysia sebagai satu keluarga dan pasukan untuk menentukan semua keperluan rakyat berbilang kaum diberi perhatian," katanya pada sidang media di sini.

Shahrizat berkata pasukan itu juga akan memberi kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan dan manfaat Belanjawan 2013 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat Jumaat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698478>